

**Pakatan: Kenyataan Najib Umno contohi Isil bercanggah demokrasi,  
rosak hubungan diplomatik  
Malaysian Insider  
June 24, 2014  
Oleh Amin Iskandar**

Datuk Seri Najib Razak menolak demokrasi dan merosakkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara lain apabila meminta anggota Umno menjadi berani seperti penganas Kumpulan Negara Islam Iraq dan Jajahannya (Isil), kata pemimpin Pakatan Rakyat (PR).

Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu berkata, kenyataan perdana menteri itu merosakkan amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia dan menjatuhkan martabatnya sebagai seorang pemimpin negara.

"Patutlah dia tidak kata apa-apa bila ahli Umno merempuh Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang," kata Mohamad kepada The Malaysian Insider.

Beliau merujuk kepada tindakan sekumpulan ahli Umno Pulau Pinang yang merempuh DUN pada 20 Mei lalu kerana marahkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Delima R S N Rayer daripada DAP yang mengatakan "Umno celaka."

"Sebagai presiden Umno, macam mana Najib boleh keluarkan kenyataan minta ahli dia jadi macam kumpulan penganas di Timur Tengah? Ini tidak sepatutnya keluar daripada mulut dia," katanya.

Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu turut mengatakan kenyataan Najib itu akan menggalakkan kumpulan-kumpulan seperti Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) yang mencadangkan agar pengkhianat kepada Sultan Selangor dipancung semalam berleluasa.

Dalam ucapannya di Cheras, Kuala Lumpur malam tadi Najib menggesa ahli Umno mempelajari keberanian kumpulan militan Isil yang berjaya mengalahkan tentera Iraq walaupun mempunyai jumlah anggota lebih kecil.

"Sama ada kita bersetuju atau tidak, itu cerita lain. Kumpulan Isil yang hanya mempunyai 1,300 orang berjaya mengalahkan 30,000 tentera Iraq, sehingga empat, lima jeneral bintang tiga terpaksa melarikan diri menyelamatkan diri mereka, terjun dari tingkap pada waktu malam," kata presiden Umno itu dalam jamuan makan malam sempena 20 tahun Umno di Cheras malam tadi.

Naib Presiden PKR, Chua Tian Chang mengatakan sebagai perdana menteri, Najib tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara lain.

"Isil atau kumpulan negara Islam Iraq dan Syria (Isis) menyerang Iraq. Bagaimana Najib boleh keluaran kenyataan yang boleh mengguris hati Iraq sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia?" soal ahli Parlimen Batu itu.

"Kenyataan Najib ini membimbangkan dan menunjukkan kejahilannya dalam politik antarabangsa," katanya.

Sementara Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP Anthony Loke mengatakan kenyataan Najib semalam akan menggalakkan lagi ekstrimisme dalam parti terbesar Melayu itu.

"Bagaimana kumpulan pengganas seperti Isil boleh dijadikan bahan Najib? Sebagai perdana menteri, ini merupakan satu mesej yang sangat teruk dikeluarkannya.

"Kenyataan Najib juga bercanggah dengan konsep kesederhanaan atau wasatiah yang diperkenalkan dalam pentadirannya," kata ahli Parlimen Seremban itu.

Loke juga meminta agar semua pihak menolak kenyataan Najib yang akan menjejaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara mengamalkan kesederhanaan dan menolak terorisme.

"Semalam pun Perkasa kata nak pancung kepala pengkhianat kepada Sultan Selangor. Lepas ni makin teruklah," katanya.

Isil merupakan kumpulan pecahan Al-Qaeda yang mahu menubuhkan negara Islam dan diperintah oleh Khalifah di Iraq dan Syria dan diklasifikasikan sebagai organisasi pengganas.

Terdapat rakyat Malaysia yang dikatakan terlibat dengan kumpulan Isil dan Isis.

Utusan Malaysia melaporkan bulan lalu seorang rakyat Malaysia Ahmad Tarmimi Maliki, 26, menjadi pengebom berani mati untuk Isis di Iraq.

Pekerja kilang biasa di Selangor itu tanpa diketahui oleh keluarga terdekatnya di Pahang, diberi nama Abu Ahmad Al-Malizzi menjadi pengebom berani mati dalam serangan di Ibu Pejabat Skwad Emas Pasukan Taktik dan Senjata Khas (Swat) di daerah Al-Anbar, Iraq pada 26 Mei lalu yang mengorbankan 25 polis Iraq.

Pertengahan bulan ini Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi memberi amaran rakyat Malaysia yang berjuang dalam peperangan di Syria akan ditangkap sebaik sahaja mereka pulang ke tanah air.

Zahid berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memantau pergerakan rakyat Malaysia yang berada di Syria dan bertegas tindakan akan diambil jika terlibat dalam kegiatan militan di negara Timur Tengah itu. – 24 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-kenyataan-najib-agar-umno-contohi-isil-bercanggih-demokrasi-rosak-h>